

**TATACARA PELAKSANAAN  
PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN (PPP) DI BAWAH  
SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR)  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1 Tatacara ini bertujuan menerangkan dasar dan kaedah pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) sebagai panduan kepada Agensi Penyelaras, Agensi Pelaksana dan Agensi Pembayar yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Program ini telah dilaksanakan sejak RMKe-8 di bawah SPKR oleh Bahagian Pembasmian Kemiskinan (BPK), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan akan diteruskan pelaksanaannya oleh Bahagian Kesejahteraan Rakyat (BKR).
- 2.2 Objektif pelaksanaan PPP adalah untuk meningkatkan pendapatan golongan Miskin Tegar, Miskin dan Berpendapatan Rendah B40 di luar bandar melalui penglibatan mereka di dalam projek-projek ekonomi yang berupaya meningkatkan taraf hidup mereka khususnya dan kualiti hidup mereka umumnya.

**3. KUMPULAN SASAR**

- 3.1 Kumpulan sasaran bagi pelaksanaan program ini terdiri daripada golongan Miskin Tegar, Miskin dan

Berpendapatan Rendah (B40). Kriteria kumpulan sasaran yang layak adalah seperti berikut:

- (i) Disahkan sebagai Miskin Tegar dan Miskin serta berdaftar dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih); atau
- (ii) Diperaku dan disahkan layak oleh *Focus Group* (FG) Pembasmian Kemiskinan Negeri /Daerah / Agensi Pelaksana; atau
- (iii) Bagi kes-kes tertentu yang memerlukan pengecualian daripada kriteria di atas hendaklah dirujuk dan mendapat kelulusan KPLB.

3.2 Keutamaan akan diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR), Ibu Tunggal (IT) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada keluarga Miskin Tegar dan Miskin yang produktif, telah tamat persekolahan atau tidak bersekolah lagi semasa permohonan dibuat, berminat dan berazam kuat untuk menjalankan projek dipohon serta:

- (i) Mempunyai pengalaman/ kemahiran/ pernah mengikuti latihan/ kursus berkaitan dengan projek; atau;
- (ii) Keutamaan diberikan kepada mereka yang telah mempunyai sumber pendapatan melalui projek/ perniagaan yang sedang diusahakan dan berpotensi untuk dikembangkan serta ditingkatkan pendapatan; atau;
- (iii) Pernah mengikuti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), SPKR, KPLB yang berkaitan; atau
- (iv) KIR dan IT yang mempunyai tanggungan; atau

- (v) Menjaga/ mempunyai anggota keluarga golongan istimewa/ anak yatim piatu/ orang tua/ ahli isi rumah yang uzur/ memerlukan bantuan perubatan dengan kos yang tinggi; atau
- (vi) Tidak pernah menerima sebarang bantuan/program/projek ekonomi yang lain.

3.3 Penglibatan kumpulan sasar dalam projek-projek ekonomi berkaitan adalah dari segi:

- (i) Penglibatan secara langsung dalam pelaksanaan projek; atau/ dan;
- (ii) Sebagai perancang dan pembuat keputusan terhadap halatuju projek; atau/ dan;
- (iii) Sebagai penerima upah/ gaji/ dividen pelaksanaan projek; atau/ dan;
- (iv) Sebagai pemilik aset/ premis/ peralatan/ mesin bantuan yang diberikan.

#### 4. SKOP DAN KADAR BANTUAN

4.1 Projek-projek ekonomi PPP memberi tumpuan kepada empat (4) skop utama berikut:

BIL	SKOP	PENERANGAN SKOP AKTIVITI
1.	Projek Ekonomi Berasaskan <b>Aktiviti Perkhidmatan</b>	Projek-projek ekonomi yang memberikan perkhidmatan yang memerlukan daya kemahiran sebagai aktiviti utama projek seperti perkhidmatan jahitan, gunting rambut dan lain-lain

BIL	SKOP	PENERANGAN SKOP AKTIVITI
2.	Projek Berasaskan Ekonomi <b>Perniagaan Secara Kecil-Kecilan</b>	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penjualan produk seperti makanan/ minuman dan barangan sebagai aktiviti utama projek
3.	Projek Berasaskan Ekonomi <b>Perusahaan Sumber Asas Tani/ Perikanan/ Penternakan</b>	Projek-projek ekonomi yang menjalankan aktiviti penghasilan produk/ memproses bahan-bahan mentah pertanian sebagai aktiviti utama projek
4.	Projek Berasaskan Ekonomi <b>Aktiviti Pertanian/ Perikanan/ Penternakan</b>	Projek-projek yang meliputi aktiviti tanaman(sayur-sayuran/buah-buahan, dan lain-lain), ternakan (lembu/ayam/kambing, dan lain-lain) dan perikanan (peralatan menangkap ikan/ternakan ikan dalam sangkar, dan lain-lain)

4.2 Bantuan diberikan dalam **pelbagai bentuk** termasuk Aset/ premis/ bengkel/ ruang niaga/ mesin/ peralatan bantuan/ bahan mentah, latihan/kursus kemahiran asas, bimbingan serta kos khidmat pengurusan yang disampaikan melalui Agensi Pelaksana.

4.3 Kadar bantuan bagi seorang peserta adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan **maksimum** adalah sebanyak **RM10,000** bergantung kepada projek yang dilaksanakan, walau bagaimanapun peruntukan projek yang diluluskan akan ditentukan sepenuhnya oleh pihak Kementerian. Bantuan ini juga merangkumi kos latihan/kursus kemahiran asas projek yang berjumlah

maksimum RM1,500 seorang mengikut keperluan;

- (ii) Kos latihan/kursus kemahiran asas projek berjumlah sehingga RM1,500 seorang bertujuan memberi latihan/kursus kemahiran asas termasuk penggunaan peralatan berkaitan projek yang dilaksanakan. Latihan/Kursus kemahiran asas dan jenis kursus yang dirancang boleh dikendalikan oleh Agensi Pelaksana atau lain-lain badan bertauliah yang dilantik oleh Agensi Pelaksana.

4.4 Kos pembangunan boleh mengambil kira kos operasi projek sehingga tamat tempoh pembangunan (*development period*) bagi projek ekonomi yang berskala besar/ berkelompok setelah mendapat persetujuan bertulis daripada pihak Kementerian.

4.5 Agensi Pelaksana yang diluluskan caj khidmat pengurusan dan menjalankan kerja-kerja pemantauan projek boleh mengenakan caj khidmat pengurusan tidak melebihi 10% daripada kos projek. Caj khidmat pengurusan ini perlu mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian.

4.6 Peserta digalakkan menjalankan projek secara berkelompok bagi meningkatkan keberkesanan serta menampung keperluan kos projek yang tinggi.

4.7 Aset/ premis/ mesin/ peralatan bantuan adalah menjadi tanggungjawab peserta. Bagi kes-kes tertentu, Agensi Pelaksana/Kementerian berhak untuk menarik balik peralatan yang tidak digunakan dan boleh dipertimbangkan untuk peserta baru yang layak.

## **5. MEKANISME PELAKSANAAN**

- 5.1 PPP dilaksanakan oleh Agensi-agensi KPLB, Pejabat-Pejabat Daerah serta Agensi-agensi Kementerian lain yang dilantik.
- 5.2 Agensi Pelaksana Utama adalah agensi-agensi di bawah KPLB seperti KETENGAH, KEJORA, KEDA, KESEDAR, PERDA, GIATMARA dan KEMAS.
- 5.3 KPLB boleh mempertimbangkan untuk melantik NGO yang aktif dan berpengalaman sebagai Agensi Pelaksana dalam kes-kes tertentu.
- 5.4 KPLB turut bekerjasama dengan Kementerian lain dalam melaksanakan PPP khususnya dalam penggunaan fasiliti, latihan dan lain-lain kepakaran daripada pelbagai Agensi.
- 5.5 KPLB berfungsi sebagai penyelarar utama dari segi penggubalan dasar dan strategi pelaksanaan serta membuat perancangan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian impak projek di peringkat Persekutuan.

## **6. KAEDAH PELAKSANAAN**

- 6.1 Agensi Pelaksana bertanggungjawab untuk memohon, mengurus/ memantau dan mengemukakan laporan kemajuan pelaksanaan projek.
- 6.2 Borang permohonan/ kertas cadangan projek perlu dikemukakan secepat mungkin kepada Kementerian oleh pemohon atau Agensi Pelaksana untuk pertimbangan dan kelulusan projek pada tahun semasa.

- 6.3 Borang permohonan / kertas cadangan seperti di **'LAMPIRAN 1'** perlu diisi dengan lengkap dan diperakui benar.
- 6.4 Penyelarasan dan penyenaian projek/ permohonan serta maklumat lengkap peserta hendaklah dibuat oleh Agensi Pelaksana seperti di **'LAMPIRAN 2'**.
- 6.5 Projek ekonomi PPP yang dicadangkan perlu mematuhi perkara-perkara berikut:
- (i) Menepati skop projek, kumpulan sasar dan kadar bantuan yang telah ditetapkan; serta
  - (ii) Berdaya maju (*viable*) iaitu boleh memberi peningkatan pendapatan kepada peserta dan berdaya tahan (*sustainable*) serta mempunyai prospek pasaran untuk berkembang bagi maksud dikomersilkan.
- 6.6 Projek boleh dilaksanakan secara individu, berkelompok atau diuruskan oleh Agensi Pelaksana yang dilantik.
- 6.7 Projek perlu mendapat bimbingan/ nasihat dan penyeliaan daripada Agensi Pelaksana dari aspek-aspek seperti latihan/kursus, pemilihan lokasi premis, perancangan aktiviti, belanjawan, pelaksanaan, kualiti dan pemasaran produk/ perkhidmatan.
- 6.8 Peserta yang tidak berkemahiran/ berpengalaman/ tidak pernah mengikuti sebarang latihan/kursus berkaitan projek diwajibkan mengikuti latihan/kursus kemahiran asas projek yang meliputi kursus motivasi dan kursus asas kewangan bagi kejayaan projek serta mendapat bimbingan pengurusan projek dan

pemantauan secara konsisten daripada Agensi Pelaksana.

- 6.9 Pelaksanaan projek yang melibatkan peserta secara langsung/ sebagai pengusaha akan diberi keutamaan oleh pihak Kementerian iaitu ke arah usaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada golongan Miskin Tegar Miskin/B40.
- 6.10 Proses pertimbangan dan kelulusan projek ekonomi PPP di peringkat KPLB adalah:
- (i) Permohonan yang diterima akan diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Perakuan dan Kelulusan PPP (JKP-PPP).
  - (ii) Projek berskala besar/ berkelompok (melebihi RM100,000) memerlukan kelulusan Ketua Setiausaha Kementerian selaku Pegawai Pengawal setelah diperakukan oleh JKP-PPP seperti di **LAMPIRAN 3**.
- 6.11 Kementerian akan menyalurkan peruntukan kepada Agensi Pelaksana / Pembayar yang dilantik untuk projek yang berkaitan.
- 6.12 Setiap tindakan yang melibatkan hal ehwal kewangan seperti proses tender, sebut harga, pembelian terus atau tuntutan pembayaran perlu menggunakan Peraturan dan Tatacara Kewangan semasa Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

### **Projek Berskala Besar / Berkelompok (Melebihi RM100,000)**

- 6.13 Perancangan perlu dimaklumkan oleh Agensi Pelaksana khususnya bagi projek berskala besar/



berkelompok dalam menentukan tarikh mula dan jangka masa pelaksanaan projek termasuk jangkaan tarikh perolehan mesin peralatan, membina/mendapatkan premis, memasarkan produk dan sebagainya.

6.14 Agensi Pelaksana yang terpilih dibenarkan melantik anak syarikat/ agensi pengendali/ pengurus projek untuk mengendalikan projek yang diluluskan mengikut kaedah dan peraturan kewangan semasa Kerajaan.

6.15 Perjanjian perlu dimeterai di antara Agensi Pelaksana dengan Anak Syarikat/ Agensi Pengendali/ Pengurus Projek yang dilantik iaitu:

(i) Bagi menentukan peranan dan tanggungjawab masing-masing; serta

(ii) Memperincikan cadangan dan perancangan projek untuk tujuan rekod.

6.16 Perlantikan NGO sebagai Agensi Pelaksana projek perlu dibuat melalui Jawatankuasa Bantuan KPLB kepada NGO.

6.17 Bagi projek berskala besar/ berkelompok, Agensi Pelaksana hendaklah mewujudkan tabung pusingan daripada 20% keuntungan/ hasil pendapatan pelaksanaan projek. Tabung ini adalah bagi pembelian bahan mentah atau peralatan bagi menampung kos untuk pusingan seterusnya. Tabung ini juga berguna untuk mengembangkan projek sedia ada atau mengatasi masalah kewangan projek atau menampung kos penyelenggaraan mesin peralatan.

6.18 Agihan keuntungan projek berskala besar/ berkelompok adalah seperti berikut:

- (i) Keuntungan bersih adalah seratus peratus (100%) milik peserta bagi projek yang diuruskan peserta secara individu.
- (ii) Bagi projek berskala besar/ berkelompok yang dilaksanakan melalui Agensi Pelaksana, agihan keuntungan bersih boleh dibuat berdasarkan nisbah 65:20:15 (peserta: tabung pusingan: Agensi Pelaksana) - dengan persetujuan daripada pihak Kementerian bagi projek yang diuruskan sepenuhnya oleh Agensi Pelaksana dan penglibatan peserta sebagai pengeluar/ pekerja atau penerima dividen sahaja.
- (iii) Permulaan bayaran dividen adalah selepas tempoh pembangunan (*development period*) yang akan ditentukan semasa kelulusan projek diberi. Agensi Pelaksana perlu memaklumkan pihak Kementerian setiap kali pembayaran dividen dilakukan.

6.19 Agensi Pelaksana adalah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan projek berjaya seperti dirancang.

## 7. PEMANTAUAN DAN PELAPORAN

7.1 Agensi Pelaksana perlu melaporkan kemajuan fizikal dan kewangan projek ke BKR seperti di 'LAMPIRAN 4' setelah peruntukan projek diterima. Laporan ini hendaklah dikemukakan pada setiap suku tahun iaitu selewat-lewatnya pada 10 haribulan bagi bulan April, Julai, November dan Januari tahun berikutnya sehingga pelaksanaan projek tersebut telah siap sepenuhnya.

- 7.2 Sekiranya terdapat sebarang isu atau masalah yang berkaitan dengan pelaksanaan projek, laporkan segera ke KPLB ini untuk tindakan selanjutnya.
- 7.3 BKR atau wakil yang dilantik oleh pihak KPLB boleh melakukan lawatan penyeliaan ke atas projek secara berkala/ mengejut (*ad hoc*) untuk memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut jadual serta syarat yang digunapakai.
- 7.4 Prestasi kemajuan projek yang dilaksanakan oleh Agensi Pelaksana perlu dilaporkan dalam Mesyuarat Penyelarasan PPP sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Mesyuarat ini berperanan memastikan projek yang dilaksanakan mengikut jadual dan membuat pemantauan serta pelaporan.
- 7.5 Syarat-syarat dan peraturan bagi sebarang perubahan berkaitan projek yang telah diluluskan:
- (i) Agensi Pelaksana dikehendaki melaporkan kepada KPLB sekiranya terdapat sebarang perubahan bilangan peserta, operasi, skop, kos atau belanjawan projek bagi tujuan kelulusan.
  - (ii) Agensi Pelaksana perlu menggantikan peserta asal atau menarik balik peralatan bantuan sekiranya projek mempunyai masalah seperti peserta asal telah berpindah negeri, meninggal dunia, tidak berminat lagi, tidak dapat dikesan atau hilang kelayakan dalam tempoh pemantauan. Penggantian peserta projek perlu mendapat kelulusan daripada KPLB.
  - (iii) Peserta baru yang digantikan mengikut syarat yang ditetapkan secara automatik akan

bertanggungjawab ke atas aset/ premis/ mesin/ peralatan bantuan.

- 7.6 Peserta/ kumpulan peserta yang menguruskan sendiri projek perlu melaporkan kemajuan projek setiap tiga (3) bulan kepada Agensi Pelaksana dengan menghantar satu salinan penyata kira-kira/ akaun atau makluman secara bertulis mengenai perkembangan projek.
- 7.7 Agensi Pelaksana hendaklah melaporkan kepada KPLB mengenai sebarang projek yang gagal atau ditamatkan operasi.
- 7.8 Agensi Pelaksana juga hendaklah menyimpan rekod mengenai setiap peserta dan mewajibkan setiap peserta yang hadir latihan/kursus menandatangani buku pendaftaran kursus. Langkah ini bagi memudahkan langkah susulan dibuat jika diperlukan.

## **8. PENILAIAN PROJEK**

- 8.1 BKR perlu menjalankan kajian penilaian *outcome* berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012: Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome, Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

## **9. TARIKH KUATKUASA**

- 9.1 Pemakaian Tatacara Pelaksanaan PPP ini berkuat kuasa bermula 01 Januari 2019 dan Garis Panduan Program PPP Tahun 2016 adalah terbatal.

## 10. PENGECUALIAN

10.1 Selain daripada syarat-syarat yang dinyatakan diatas KPLB berhak untuk meletakkan syarat-syarat tambahan atau pengecualian sekiranya perlu.

## 11. PENUTUP

Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan program, sila hubungi:

Bahagian Kesejahteraan Rakyat  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Aras 18, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**  
Tel: 03-8891 5640/5663/5660  
No. Faks: 03-8881 0264

